

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 MEI 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Madius harap SMK Tenghilan jadi duta MOSTI perkenal teknologi nano	BERNAMA
2.	Penawar HIV guna ekstrak bintangor tumpuan dunia	Berita Harian
3.	Sarawak to build biofeed plant in Mukah under bioeconomy programme	New Straits Times
4.	Paying tribute to employers	The Star
5.	Sastera patut bergerak bebas tanpa sempadan	Berita Harian
6.	Fahami pengertian sebenar sambutan Pesta Kaamatan – Madius	BERNAMA



Madius Harap SMK Tenghilan Jadi Duta MOSTI Perkenal Teknologi Nano



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau (kiri) bersama Penolong Kanan Kokurikulum SMK Tenghilan Tuaran Lucy Gansui melancarkan 'Komuniti Nano Smart' iaitu contoh Inovasi Dalam Pembelajaran Stem dan Perniagaan sempena pelancaran Pesta Kaamatan Tuaran 2017 hari ini.

TUARAN, 10 Mei (Bernama) -- **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau** berharap warga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tenghilan, termasuk guru-gurunya boleh menjadi duta.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk memperkenalkan teknologi nano kepada rakyat di Sabah.

Katanya sebagai sekolah angkat NanoMalaysia Berhad yang dipilih sebagai tempat pelaksanaan Komuniti Pintar Teknologi Nano, peranan yang perlu dijayakan SMK Tenghilan amat penting dalam merakyatkan kefahaman teknologi nano kepada seluruh lapisan masyarakat.

"Teknologi nano ini ialah teknologi yang sangat penting dan saya boleh mengatakan bahawa teknologi ini bersifat futuristik. Apabila kita bercerita tentang Transformasi Nasional 2050 (TN50) kepada belia mengenai bagaimanakah gaya hidup kita 20 tahun dari sekarang, kita kena lihat teknologi ini.

"Teknologi ini begitu penting untuk difahami dan diceburi bukan sahaja oleh penyelidik tetapi juga oleh usahawan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Pesta Kaamatan di Tenghilan dekat sini hari ini.

Pada majlis berkenaan, Madius turut melancarkan Komuniti Pintar Teknologi Nano bagi SMK Tenghilan. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif NanoMalaysia Dr Rezal Khairi Ahmad.

Menurut Madius dengan wujudnya Komuniti Pintar Nano di sekolah itu, ia boleh dimanfaatkan para pelajar dan penduduk Sabah secara amnya untuk menimba ilmu pengetahuan berkenaan teknologi nano.

Dr Rezal pula berkata teknologi nano adalah penyelesaian inovasi terkini untuk meningkatkan kecekapan proses, produktiviti dan prestasi produk sedia ada dan pembangunan produk baharu yang boleh diguna pakai oleh pelajar dan komuniti setempat.

"Produk-produk berteknologi nano dan aplikasi-aplikasi yang akan diguna telah disahkan dan dijamin kesahihannya melalui program pensijilan NANOVERify bertujuan untuk melindungi hak pengguna tempatan,"kata Dr Rezal.

-- BERNAMA

→ ISU

Penawar HIV guna ekstrak bintangor tumpuan dunia

➔ Kajian
terhadap pokok
yang hanya ada
di Sarawak
bakal tarik
perhatian
antarabangsa

Oleh Mohd Latif Ahmad
bhnews@bh.com.my

► Kuching

Usaha membangunkan penawar HIV yang sedang dibuat berasaskan ekstrak pokok bintangor yang hanya boleh ditemui di negeri ini, bakal menarik perhatian antarabangsa, khususnya dalam kalangan pakar perubatan dan komuniti farmaseutikal.

Menteri Muda Pendidikan dan Penyelidikan Teknologi Sarawak, Dr Annuar Rapa'ee, berkata walaupun masih pada peringkat penyelidikan dan pembangunan

(R&D), terutama dalam mengenalpasti keberkesanan merawat penyakit itu, namun ada pelbagai pihak antarabangsa berminat bekerjasama.

"Ia masih di peringkat R&D, malah penawar ini sedang kita kaji keberkesanan terhadap penghidap HIV baharu, terutama dalam kalangan mereka yang belum menerima rawatan, termasuk menguji kesan sampingannya kepada manusia."

Buka lembaran baharu

"Jika keberkesanan terbukti, ia pasti membuka satu lembaran baharu dalam sejarah perubatan dunia, sekali gus melonjakkan pen-

capaian Sarawak dalam bidang kesihatan dan perubatan antarabangsa," katanya selepas menghadiri Sambutan Hari BioBorneo dan Bioekonomi 2017, di sini semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya; Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC), Dr Yeo Tiong Chia dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia, Syed Agil Syed Hashim.

Ketika mengulas lanjut, Dr Annuar berkata, pada peringkat seterusnya, penawar itu akan digu-

nakan ke atas lebih ramai pesakit, untuk melihat tahap keberkesanan.

Perlu kelulusan FDA

"Penemuan saintifik ini dilakukan sekumpulan penyelidik berpengalaman dari CRAUN Research. Program R&D mereka menggunakan ekstrak pokok Bintangor yang dikenali sebagai 'Colanolide A'."

"Bagaimanapun, penawar itu hanya dapat digunakan secara meluas selepas memperoleh kelulusan Pertubuhan Makanan dan Perubatan (FDA) yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) sekiranya keputusan penggunaannya ke atas pesakit positif," katanya.



Annuar (dua dari kanan) melihat produk yang dipamerkan sempena Sambutan Hari BioBorneo dan Bioekonomi 2017, di Kuching, semalam.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS) : MUKA SURAT B2
TARIKH : 11 MEI 2017 (KHAMIS)

FIRST PROJECT

Sarawak to build biofeed plant in Mukah under bioeconomy programme

KUCHING: Sarawak will implement its first project under the Bioeconomy Community Development Programme (BCDP) that will see a new biofeed manufacturing facility being developed in Mukah.

The project is expected to promote the growth of the animal and aqua feed industry by converting fish waste and sago waste into high-value protein additives.

A memorandum of understanding (MoU) was signed here on Tuesday between Biotechnology Diversified Industries Sdn Bhd and local fishermen and sago smallholders to produce the an-

imal and aqua feed.

The signing was held in conjunction with the launching of Bioborneo and Bioeconomy Day 2017, organised by the Science, Technology and Innovation Ministry, Bioeconomy Corp and Sarawak Biodiversity Centre (SBC).

Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said the BCDP would help realise the long-term targets of the national Bioeconomy Transformation Programme to achieve RM48 billion in gross national income, create 170,000 jobs and attract RM50 billion in investment by 2020.

Wilfred's speech was read by

ministry secretary-general Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya.

Also present were state Education and Technological Research Assistant Minister Dr Annuar Rapae, SBC chief executive officer (CEO) Dr Yeo Tiong Chia and Malaysian Bioeconomy Development Corp acting CEO Syed Agil Syed Hashim.

Syed Agil said bioeconomy had an important role to play in the Fourth Industrial Revolution.

Key technological advances will drive this revolution, including artificial intelligence, the convergence of nanotechnology, biotechnology and healthcare, 3D printing and the Internet



(From left) Malaysian Bioeconomy Development Corp acting chief executive officer (CEO) Syed Agil Syed Hashim, state Education and Technological Research Assistant Minister Dr Annuar Rapae, Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya and Sarawak Biodiversity Centre CEO Dr Yeo Tiong Chia visiting an exhibition booth at the Bioborneo and Bioeconomy Day 2017 in Kuching on Tuesday.

of Things.

"Harnessing bioeconomy's full potential requires advancement in scientific and technological innovations that can be measured in terms of economic development and societal wellbeing,"

said Syed Agil.

He said BCDP project, which focused on bio-based solutions for smallholders and industry players, would also provide competitive advantages to the state's economy.

Paying tribute to employers

IN conjunction with the Universiti Tenaga Nasional's (Uniten) 20th Anniversary Celebration, the university organised "An Evening with Employers" on April 21 at its newly launched Student Centre.

Since its inception, Uniten has received strong support from various top-notch employers.

Uniten is among the private universities favoured by these employers in hiring fresh graduates.

With the relentless efforts of the Careers Office in organising career development programmes with these employers as its pillars, some students get hired even before completing their studies.

The high tea was a special event to pay tribute to employers who have played a significant role in boosting Uniten, as well as the nation's employability rate.

Among the market leaders that attended the event were

Tenaga Nasional Berhad, Schlumberger, DRB Hicom, Denso, Gamuda, **Cyber Security Malaysia**, Microsoft Malaysia, Ernst and Young, Permodalan Nasional Berhad, Sunway Resort and Spa and more.

This casual and relaxed event served as a networking platform among employers and staff to exchange knowledge and ideas on current employment-related issues.

Besides appreciating dedicated employers, Uniten also launched the Uniten Career Portal, which serves as a medium of interaction between employers, staff, students and alumni to seek and offer jobs and internship opportunities.

It is hoped this event will strengthen the relationship between Uniten and employers, leading to more collaborations in the future.

■ For more information, look out for the advertisement in this *StarSpecial*.

Sastera patut bergerak bebas tanpa sempadan

➔ Hubungan diplomasi bukan sandaran lebar luas persuratan

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Agenda persuratan dan kesusasteraan perlu bergerak merentas sempadan negara bagi membolehkan usaha memartabatkannya dilaksanakan dengan baik.

Apa yang berlaku kini, agenda persuratan dan kesusasteraan itu hanya 'ditegakkan' selepas hubungan diplomasi antara sesebuah negara terbentuk.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Prof Madya Dr Ramzah Dambul, berkata bidang persuratan itu sepatutnya menyerlah terlebih dahulu bagi membolehkan 'kecantikannya' disedari

khalayak masyarakat.

Beliau berkata, pada masa ini keindahan kesusasteraan dan persuratan itu tidak begitu disedari kerana elemen diplomasi dilihat lebih banyak menyatukan masyarakatnya, termasuk melalui penganugerahan sastera luar negara yang turut memberi pengiktirafan kepada pengarang di negara ini.

Kesan hubungan diplomasi

"Saya tidak mengkritik penganugerahan ini, cuma apa yang berlaku ialah wujud diplomasi antara negara kita dan negara berkenaan terlebih dahulu dan kemudian barulah agenda persuratan itu hadir disebabkan oleh diplomasi berkenaan.

"Kita mahu keadaan berubah dan melihat persuratan itu menjadi keutamaan, serta bergerak ter-



[FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM/BH]

Sebahagian penulis yang menghadiri Perhimpunan 1,000 Penulis yang diadakan bersempena PBAKL 2017, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Ramzah Dambul

lebih dahulu merentas sempadan negara, sebelum agenda diplomasi pula menyatukan kita dengan rakan negara persuratan yang lain.

"Ini bukan sesuatu yang baharu, malah dalam bidang sains kini sains itu digunakan sebagai elemen penting yang menggerakkan diplomasi dan bukan diplomasi menggerakkan sains," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Perhimpunan 1,000 Penulis (P1000P) yang diadakan bersempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017, di sini.

Yang turut hadir, Penasihat P100P yang juga Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abdul Adzis Abas; Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) DBP, Datuk Abang Sallehuddin Abang Shoke-

ran; Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Abd Wahab Ibrahim dan Pengerusi Dewan Industri Buku Malaysia (DIBM), Ishak Hamzah.

Pertemuan penulis

Perhimpunan julung kali bertemakan Seribu Tetapi Satu: Negaraku itu dianjurkan bagi mengumpul penulisan dengan pelbagai latar belakang dan genre penulisan dalam satu acara.

Ramzah yang juga pengarang berkata, penulis di negara ini juga perlu menunjukkan solidariti dan menolak polemik yang tidak diperlukan dalam dunia penulisan.

Katanya, sesuatu dasar yang dibina untuk khalayak itu juga tidak akan berfungsi jika khalayak sasarannya sendiri tidak menunjukkan penyatuan antara mereka.



Fahami Pengertian Sebenar Sambutan Pesta Kaamatan -Madius

TUARAN, 10 Mei (Bernama) -- **Pemangku presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Datuk Seri Madius Tangau** mahu masyarakat Kadazandusun dan Murut (KDM), khususnya generasi muda memahami pengertian sebenar perayaan Pesta Kaamatan.

Beliau berkata kefahaman mendalam mengenai perayaan yang disambut saban tahun penting bukan sahaja untuk memastikan budaya etnik itu terus kukuh tetapi juga untuk mewarisi unsur pembinaan jati diri melalui budaya di sebalik perayaan berkenaan.

"Kefahaman mengenai Kaamatan masih rendah. Sebab itu pada hari ini, saya ingin menyeru golongan muda supaya mengambil inisiatif untuk memahami sambutan ini. Satu daripada caranya ialah pembacaan. Pada hari ini dengan teknologi internet, kita boleh google sahaja. Semua maklumat ada di sana. Kita boleh baca.

"Hasil penyelidikan (mengenai Kaamatan) sudah dimuat naik di internet dan boleh dibaca. Yang penting golongan muda harus menghayati ini supaya mereka dapat meneruskan kesinambungan budaya kita," katanya.

Madius yang juga **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi** berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Pesta Kaamatan anjuran UPKO di Tenghilan dekat sini Rabu.

Menurut Madius, satu daripada aspek yang boleh dipelajari generasi muda daripada sambutan Kaamatan ialah pemupukan disiplin yang merupakan elemen penting dalam menjalani kehidupan harian.

"Kaamatan ialah sistem amalan kita, seperti saya kata tadi dari segi disiplin. Contoh yang mudah dari segi pemakanan. Kadang-kadang kita ambil makanan tetapi tidak dihabiskan. Kalau makan biarlah secukupnya. Jangan orang Dusun kata ada "mumu" (nasi tertumpah dari pinggan ketika makan).

"Di Malaysia sekarang dari segi sisa makanan begitu banyak dan dibuang begitu sahaja," katanya.

Bagi UPKO sendiri, katanya, banyak inisiatif telah diambil parti itu untuk memperkukuh kebudayaan etnik berkenaan sehingga mendapat pengiktirafan kerajaan termasuk pengajaran mata pelajaran bahasa KDM di sekolah serta beberapa institusi pengajian tinggi awam.